

NO. SOALAN : 549

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan :-**

- (a) statistik terkini kes peniaga yang menjual barang pada harga tinggi dan keberkesanan usaha Kerajaan Persekutuan dalam pemantauan Skim Kawalan Harga. Apakah langkah-langkah selain daripada Skim Kawalan Harga yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengawal harga barang; dan
- (b) statistik terkini jumlah pendaftaran perniagaan online dan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk menawarkan bantuan bagi perniagaan kecil online yang tidak menguntungkan berbanding dengan perniagaan online yang besar seperti Lazada, 11th Street dan Zalora dan eBay.